

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

NO. RUJ : DN15

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah baki tanah rizab Melayu mengikut pecahan negeri bermula tahun 2005 sehingga 2015.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Urusan perizapan Tanah Rizab Melayu (TRM) terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan.

Peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sebagaimana termaktub dalam Seksyen 8, Kanun Tanah Negara, ialah untuk memberi nasihat dan menyelaraskan isu-isu yang berhubung dengan tanah.

Oleh yang demikian, maklumat terperinci berhubung keluasan TRM bagi negeri-negeri lebih sesuai dibangkitkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

SOALAN : 377

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan biasiswa telah diberikan kepada bidang pengajian Islam dan bidang sains di peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar negara bagi tahun 2005-2015 dan berapakah jumlah peruntukan baru bagi tahun 2016.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak menetapkan secara khusus peruntukan berdasarkan bidang pengajian kerana ia bergantung pada permohonan pelajar untuk melanjutkan pengajian pilihan mereka. Penajaan JPA dalam bidang pengajian Islam dikategorikan di bawah bidang sains sosial manakala bagi bidang sains pula boleh dibahagikan kepada beberapa sub bidang sains (sains hayat, sains fizikal, sains matematik dan lain-lain). Purata kos perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pemegang biasiswa JPA untuk setiap tahun adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar. Anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan dalam negara di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah di antara RM10,350 hingga RM12,690 setahun. Manakala anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM277,515 setahun.

Bagi tahun 2016, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.65 billion dan peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta bagi membiayai penawaran penajaan baharu tahun 2016 demi memastikan kesinambungan pembangunan modal insan negara tidak terjejas.

Sekian. Terima kasih.